



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
20 September 2015		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Rumah selangorku lebih berkualiti
Muka Surat	:	39



Rumah Selangorku lebih berkualiti

Exco yakin rumah yang dibina lebih baik dari perumahan kos rendah, menawarkan keselesaan kepada pembeli

■ HAFEZDZULLAH HASSAN

SEMENYIH – Exco Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad memberikan keyakinan bahawa polisi Rumah Selangorku lebih baik daripada polisi perumahan kos rendah yang diperkenalkan sebelum ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan itu berkata, polisi perumahan kos rendah sebelum ini gagal kerana unit rumah yang dibina tidak mempunyai kualiti yang sepatutnya.

Beliau berkata, polisi baru ini diharapkan dapat membantu rakyat memiliki rumah yang selesa dan boleh dianggap sebagai syurga.

"Rumah Selangorku menyediakan rumah yang berkualiti, menawarkan keselesaan dan membentuk komuniti.

"Perumahan kos rendah pula se-

baliknya kerana rumah yang dibina mempunyai kualiti yang rendah sehingga menjejaskan pembeli," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran dan Pendaftaran Rumah Selangorku di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali dan Pengerusi Eco World Development Berhad, Tan Sri Liew Kee Sin.

Menurutnya, kegagalan polisi terdahulu menyebabkan kerajaan negeri berdepan kerugian besar kerana terpaksa membaiki kerosakan yang berlaku akibat masalah kualiti.

"Rumah-rumah kos rendah yang dibina sebelum ini umpama mimpi ngeri pada rakyat kerana rumah yang dibeli kebanyakannya rosak.

"Kerajaan negeri setakat ini membelanjakan RM30 juta bagi membaiki rumah-rumah yang dibina oleh kerajaan terdahulu," katanya.

Sehubungan itu, Iskandar ber-

kata, kerajaan negeri telah melakar polisi Rumah Selangorku yang menguntungkan banyak pihak.

"Rumah Selangorku menggunakan konsep 'cross subsidization' di mana harga rumah yang ditawarkan lebih rendah supaya rakyat dapat membelinya.

"Konsep ini bersifat 'win-win situation' yang menguntungkan pembeli, pemaju dan kerajaan," katanya.

Iskandar berkata, kerajaan negeri menyasarkan kira-kira 20,000 unit rumah dapat disediakan sehingga hujung tahun nanti bagi memenuhi keperluan penduduk Selangor.

"Saya harap unit-unit rumah ini akan menjadi khabar gembira buat rakyat apabila siap dan dilancarkan nanti.

"Saya juga berharap pemaju yang terlibat dalam pembinaan Rumah Selangorku akan membina rumah yang sempurna," katanya.



Iskandar (dua, kiri) menunjukkan kepada Mohamed Azmin (kanan) dan Kee Sin (dua, kanan) mengenai projek Rumah Selangorku yang sedang dijalankan.